

(9 mac 2021). Sinar Harian, p. 13

1,529 kes baharu, 8 kematian

Kes aktif Covid-19 di Malaysia kini bawah 20,000 kes

KUALA LUMPUR

Jumlah kes baharu harian Covid-19 di negara ini terus merekodkan penurunan di bawah 2,000 kes untuk tiga hari berturut-turut dengan 1,529 kes dilaporkan pada Isnin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor kekal

merekodkan kes harian tertinggi dengan 726 kes.

Menerusi ciapan di Twitter-nya mengenai perkembangan penularan Covid-19 pada Isnin, beliau berkata, Perak merekodkan 49 kes; Kelantan (28); Perlis (17); Terengganu (13); Kedah (sembilan); Melaka (empat); Pahang (tiga); Putrajaya (satu) dan Labuan pula tiada kes.

Sementara itu, menerusi kenyataan media, Dr Noor Hisham menjelaskan daripada jumlah kes baharu harian Covid-19, terdapat sembilan kes import melibatkan tiga warganegara dan enam bukan warganegara

manakala kes tempatan pula adalah 1,520 melibatkan 1,177 warganegara serta 343 bukan warganegara.

"Kes sembuh harian pula melebihi kes baharu harian iaitu sebanyak 2,076 kes menjadikan kes kumulatif sembuh adalah sebanyak 294,034 kes.

"Perkembangan baharu itu menjadikan kes aktif dengan kebolehhangkitan dalam negara setakat ini adalah sebanyak 19,778 kes," katanya.



DR NOOR HISHAM

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak lapan kes kematian dilaporkan pada Isnin melibatkan tujuh warga tempatan serta seorang bukan warganegara. Kesemua mereka adalah lelaki dalam lingkungan umur 61 hingga 89 tahun termasuk tujuh meng-

hidap penyakit kronik.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan terdapat empat kluster baharu dikesan pada Isnin melibatkan tiga kluster di tempat kerja dan satu kluster


penularan komuniti.

Beliau berkata, kluster di tempat kerja membabitkan dua di Johor iaitu Kluster Cyber 72 dan Kluster Jalan i-Park Tiga dan satu lagi di Kuala Lumpur iaitu Kluster Jalan Loke Yew, manakala kluster dalam komuniti pula adalah Kluster Bukit Bayas di Terengganu.


Katanya, pengesanan kluster baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kluster di negara ini kini 1,203 kluster dengan 467 kluster masih aktif manakala sembilan lagi kluster diisytiharkan tamat pada Isnin sekali gus menjadikan jumlah kluster tamat sebanyak 736. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 8 Mac 2021




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
314,989	294,034	160	1,177	+1,529



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 313,460 kes kepada 314,989 kes